

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]**  
**TARIKH : 2 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 51**

**YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) bilangan ambulans yang beroperasi mengikut setiap hospital Kerajaan dan klinik kesihatan Kerajaan; dan
- b) status dan garis masa pelaksanaan penggantian ambulans lama dan penambahan ambulans baharu mengikut setiap hospital Kerajaan dan klinik kesihatan Kerajaan bersama statistik bilangan ambulans yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan ambulans yang berfungsi di seluruh negara adalah sebanyak 1,703 buah di mana 960 buah di hospital kerajaan dan 743 di klinik kesihatan. Sebanyak 537 buah kenderaan ambulans berstatus tidak ekonomi dibaiki (BER).

Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah yang perlu untuk mengatasi masalah kekurangan ambulans. Antara inisiatif yang dijalankan adalah :

- i. Perolehan kenderaan ambulans secara berkala dilakukan di mana secara purata 200 buah perolehan kenderaan ambulans setiap tahun sejak 2010. Perolehan kenderaan ambulans yang terbaru pada tahun 2017/2018 adalah sebanyak 500 kenderaan ambulans dan agihan kenderaan tersebut dijangka selesai pada 2018.
- ii. Melalui Strategi Lautan Biru KKM menjalinkan kerjasama bersama BOMBA serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dalam menjalankan Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulans.
- iii. Mengadakan kerjasama bersama Badan Bukan Kerajaan seperti St John's Ambulance dan Bulan Sabit Merah Malaysia dalam menjalankan Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulans.